

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XIV)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

20. Apakah penambahbaikan yang akan dilakukan ke atas Persiaran Gurney dan Jalan Burma supaya kesesakan di Jalan Mount Erskine tidak dipindahkan ke Gurney Drive dan Jalan Burma tetapi para pemandu dapat memandu dengan lancar selesa ke tempat tujuan mereka yang berikut?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

20. Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah merancang beberapa kaedah bagi memastikan kesesakan di Jalan Mount Erskine tidak dipindahkan ke Persiaran Gurney dan Jalan Burma seperti berikut:
- (i) Membina jalan berkembar Persiaran Gurney dari bulatan Persiaran Gurney ke Jalan Pangkor serta pembinaan sebahagian Lebuhraya Lingkaran Luar Pulau Pinang dari Persiaran Gurney ke Jalan Tanjung Tokong. Jalan berkembar ini dirancang untuk menyuraikan aliran lalu lintas dari Jalan Mount Erskine dan kawasan sekitarnya. Kedua-dua jalan berkembar Persiaran Gurney dan sebahagian Lebuhraya Lingkaran Luar Pulau Pinang tersebut akan menjadi laluan alternatif kepada kenderaan-kenderaan dari Jalan Mount Erskine yang berulang alik ke pusat bandar George Town tanpa perlu melalui Persiaran Gurney dan Jalan Burma. Kedua-dua jalan tersebut dijangka akan dibina seiring dengan pembangunan di pulau tebus guna laut di Tanjung Pinang.

- (ii) Melaksanakan projek *Penang Island Link 1* (PIL1) yang akan menjadi sebahagian Lebuhraya Lingkaran Luar Pulau Pinang. Lebuh raya ini akan bersambung ke jalan berkembar Persiaran Gurney dan sebahagian Lebuhraya Lingkaran Luar Pulau Pinang di Tanjong Pinang. Di bahagian darat (dari Persiaran Gurney), lebuh raya ini akan menyusuri Jalan Bagan Jermal dan Jalan Gottlieb melalui Taman Perbandaran ke Jalan Paya Terubong dan seterusnya ke Sungai Ara dan Bayan Baru sebelum berakhir di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu. Tukarantara (*interchanges*) juga dirancang untuk dibuat di persimpangan jalan berkembar Persiaran Gurney/Lebuhraya Lingkaran Luar Pulau Pinang di Tanjong Tokong, persimpangan Jalan Gottlieb/Jalan Utama, Jalan Paya Terubong, Jalan Tun Dr. Awang dan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu. Pembinaan PIL1 ini akan memudahkan pengguna jalan raya dari Jalan Mount Erskine dan kawasan sekitarnya dengan tidak perlu melalui Persiaran Gurney dan Jalan Burma untuk berulang alik ke bahagian timur, pertengahan dan selatan pulau.
- (iii) Merangka satu proses peralihan daripada penggunaan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam bagi mengurangkan jumlah kenderaan persendirian di atas jalan selaras dengan hasrat Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang melalui kerjasama dengan Rapid Bus Sdn. Bhd. (Rapid Penang).

Melalui kaedah-kaedah yang telah dirancang, adalah diharapkan aliran trafik di kawasan tersebut akan menjadi lancar seterusnya memberi keselesaan kepada pengguna-pengguna jalan raya di Jalan Mount Erskine dan kawasan sekitarnya.